

04 OCT 2002

Mahathir-ICT/I

MALAYSIA BOLEH BERBANGGA DALAM ICT MELALUI TEKNOLOGI ASLI

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Rakyat Malaysia boleh berbangga dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kerana mengetahui bahawa ia telah membangunkan teknologi ICT asli yang boleh dieksport ke seluruh dunia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata beliau menjangkakan penerusan trend ini pada tahun-tahun akan datang ketika Malaysia melangkah ke arah Wawasan 2020.

"Perkembangan syarikat-syarikat ICT Malaysia hari ini yang aktif menyelaraskan teknologi kelas dunia untuk mereka bentuk, membangun dan memasarkan produk-produk berkelas dunia membuktikan kepada kita mengenai naluri kreatif rakyat Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusan pada majlis Anugerah ICT Malaysia ke-14 dan jamuan malam 2002 di sini.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang.

"Para pemenang anugerah ICT tahun ini jelas mencerminkan bahawa pandangan ke hadapan, pelaburan, sumber dan pelaksanaan untuk membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) sejak enam tahun lepas, kini berjaya," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata semasa kerajaan mula membangunkan MSC, ia merupakan konsep yang akan mengambil masa untuk menjana kesan limpahan ekonomi.

"Meskipun krisis kewangan Asia 1997, dan kemelesetan ekonomi global pada 2001, kami bersungguh-sungguh menjayakannya kerana menyedari bahawa MSC merupakan usaha penting untuk mengubah ekonomi kepada ekonomi berasaskan pengetahuan pada Abad ke-21," kata Perdana Menteri.

Menurut Dr Mahathir, pertumbuhan dan peningkatan mobiliti maklumat melalui teknologi komunikasi akan mewujudkan peluang besar kepada para pemain dalam industri ICT.

"Industri baru berasaskan maklumat akan diwujudkan, dan seterusnya akan mengubah cara kita bekerja dan hidup", kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata penggunaan secara optimum ICT mungkin menghasilkan perniagaan yang memberi kelebihan saingan dan perbandingan untuk Malaysia.

"Ringkasnya, Mencapai lebih daripada kekurangan". Mesej padat ini tidak sahaja menyatakan inti pati MSC, malah menunjukkan bagaimana negara kita menangani ekonomi global semasa yang perlahan," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV RV YBY LAT